

PM: Ingat pengorbanan

JM 28 JAN 2004

Oleh **KAMARUZZAMAN** MOHAMAD

KUALA LUMPUR 27 Jan. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat perlu sentiasa diingatkan dengan pengorbanan para pejuang dahulu kerana tanpa susah payah mereka tidak mungkin generasi masa kini dapat merasai kemakmuran dan keamanan negara.

Perdana Menteri berkata, dengan itu, generasi hari ini janganlah sesekali alpa dengan kesenangan yang dimiliki negara ini adalah hasil pengorbanan para pejuang tersebut.

Beliau memberitahu generasi muda juga perlu menghayati sejarah negara kerana melalui penghayatan terhadap sejarah sebenar ia dapat membentuk keperibadian mulia.

“Kita perlu sentiasa diingatkan dengan pengorbanan mereka yang telah berjuang demi negara. Jangan kita sesekali alpa dengan kesenangan yang dimiliki negara hari ini.

“Tanpa susah payah dan pengorbanan pejuang dahulu, generasi masa kini tidak mungkin dapat merasai kemakmuran dan keamanan negara,” kata beliau ketika berucap melancarkan buku *Wira Tak Didandang* tulisan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini hari ini.

Buku setebal 191 halaman itu menyorot kembali peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah kemerdekaan negara dan liku-liku perjalanan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha mencari perdamaian dengan Parti Komunis Malaya (PKM).

Pada pelancaran itu, ketiga-tiga wira yang menjadi penghias kulit buku tersebut hadir.

Pengalaman

Mereka ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor dan bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas, Datuk Yau Kong Yew.

Abdullah menambah dengan mengenali nilai-nilai murni dan pengorbanan pejuang negara terdahulu rakyat juga mampu meneguhkan lagi kedaulatan negara.

Perdana Menteri juga percaya buku *Wira Tak Didandang* ini dapat menyumbang kepada semangat patriotisme negara kerana ia berjaya menghuraikan erti patriotisme yang sebenar.

Ini kerana tambahannya penulis buku itu berjaya menghuraikan erti patriotisme yang sebenar dan bukan hanya sekadar sebagai slogan atau teori semata-mata.

“Dengan contoh konkrit yang diperoleh melalui fakta dan pengalaman Zam sendiri, buku ini berjaya menghuraikan erti patriotisme yang sebenar,” ujarnya.

Oleh itu, katanya buku ini membuktikan bahawa ideologi Malaysia telah mendatangkan kejayaan dan memberi manfaat kepada rakyat.

Perdana Menteri juga secara berseloroh meminta bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar yang turut hadir pada majlis itu menulis buku kerana beliau mempunyai pelbagai pengalaman dan peristiwa yang menarik untuk dikongsi bersama.

Katanya, peristiwa-peristiwa menarik yang dapat dikisahkan oleh Haniff itu sudah tentu menjadi satu inspirasi kepada anak-anak muda.

pejuang dahulu